

Siswa UPM ternak ikan

Menternak ikan mungkin tidak seglamor kerjaya lain, namun jika diusahakan secara tekun dan komersial, ia boleh menjana pendapatan yang lumayan. Itulah yang cuba dibuktikan mahasiswa pertanian akuakultur, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Yuhairi Mohd Jusoh apabila memilih bidang usahawan ternakan ikan sebagai kerjaya.

Berbekal pengalaman dan kemahiran yang diperoleh ketika mengikuti Program Usahawan Tani anjuran UPM, beliau mula mengorak langkah mengusahakan kolam ternakan ikan sendiri menerusi syarikat Gemilang Agrobis Enterprise miliknya.

Walaupun kejayaan itu masih belum ketara, disebabkan keyakinan dan sifat tolong-menolong untuk memajukan diri sendiri sedikit demi sedikit projek ternakan ikan air tawar yang diceburi menampakkan bibit keceriaan.

“Menggunakan kolam milik UPM, saya bersama beberapa rakan meneruskan cabaran mengusahakan projek menternak ikan talapia dalam sangkar. Bermula dengan hanya 14 sangkar yang menempatkan 2,100 benih ikan talapia, kami mengembangkannya kepada

26 sangkar dengan kapasiti kepadatan 400 hingga 450 ekor ikan bagi setiap sangkar.

“Bagi memastikan ikan membesar, ikan perlu dipelihara selama kira-kira tiga hingga empat bulan dan boleh mencapai berat antara 250 hingga 300 gram sebelum dijual,” katanya.

Penjagaan rapi

Dengan bantuan rakan bagi menyelenggara kolam dan sangkar ikan, beliau turut memastikan setiap ikan dipelihara dengan baik, termasuk memberi makan dua kali sehari.

Katanya, ikan berkenaan diberi makan palet ikan atau dedak khas dua kali sehari pada waktu pagi dan petang, manakala bagi ikan pada peringkat tumbesaran diberi makan sisa pemprosesan sekali saja pada waktu petang.

“Ikan itu juga tidak boleh kekurangan air. Sebelum melepaskan benih ke dalam sangkar, benih ikan itu harus dicampur dengan air kolam bagi memastikan ikan serasi dengan udara di dalam kolam,” katanya.

Berhasrat memasarkan hasil tuaian ikan talapianya secara meluas dengan mendapatkan pemborong yang

FAKTA NOMBOR

14
sangkar

Mula buka dengan menempatkan 2,100 benih ikan talapia



Yuhairi bersama rakan memastikan setiap ikan dipelihara dengan baik, termasuk memberi makan dua kali sehari.

[AZIAH AZMEE/ BH]



IKAN ITU JUGA TIDAK BOLEH KEKURANGAN AIR. SEBELUM MELEPASKAN BENIH KE DALAM SANGKAR, BENIH IKAN ITU HARUS DICAMPUR DENGAN AIR KOLAM BAGI MEMASTIKAN IKAN SERASI DENGAN UDARA DI DALAM KOLAM"

Mohd Yuhairi Mohd Jusoh,
Mahasiswa pertanian akuakultur, UPM

berminat, Mohd Yuhairi turut bertindak menjual ikan secara terus kepada pengguna selain membekalkan ke restoran dan kedai makan.

Sahut cabaran

"Harga ikan air tawar khususnya talapia di pasaran menggalakkan, tidak hairanlah jika permintaannya tidak pernah putus. Melihat perkembangan ini, saya yakin apa yang diusahakan hari ini mampu mencetus

kejayaan dengan pulangan pendapatan yang lumayan.

"Pada masa sama, ia turut membuka mata mahasiswa lain terhadap potensi bidang ini dan tidak lagi mengharap kerja makan gaji semata-mata. Siapa tahu bau hanyir ikan yang melekat di badan ini suatu masa nanti menjadi lambang kejayaan seorang lagi anak Melayu sebagai penternak ikan yang berjaya," katanya.

Akur dengan adat menjadi usahawan ada untung nasibnya, beliau bagaimanapun bersedia menghadapi segala cabaran atau masalah dalam mengusahakan kolam ikan air tawarnya.

Paling penting, katanya, kualiti air dalam sangkar perlu sentiasa dipantau selain memanfaatkan segala khidmat nasihat serta bantuan disalurkan pihak UPM bagi menjayakan projek ternakan terbabit.